

Aktiviti	: Mengenal Pasti dan Menawarkan Jawatan <i>Fellow</i> SLAB/SLAI dan Anugerah Kecemerlangan
Objektif Strategik	: Mensasarkan Seramai 60,000 Pemegang PhD dan setaraf menjelang tahun 2020
KPI	: Bilangan staf IPTA warganegara yang mendapat PhD dan setaraf dari luar negara
IPTA	: Universiti Malaysia Perlis

Latar Belakang Aktiviti

Bagi program ini, calon yang berkelayakan akan dilantik sebagai *Fellow* dan dibayar elaun bulanan untuk melanjutkan pengajian M.Sc atau PhD di dalam ataupun luar negara. *Fellow* juga akan dibiayai oleh Biasiswa SLAB atau SLAI dari pihak Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia

Anugerah kecemerlangan (berbentuk kewangan) kepada calon SLAB / SLAI yang menghabiskan pengajian PhD mereka sebelum tempoh 3½ tahun. Anugerah berbentuk wang sagu hati dan pemberian geran penyelidikan.

Perancangan Aktiviti

Bagi biasiswa SLAB/SLAI, pengambilan adalah terbuka sepanjang tahun dan pengambilan adalah bergantung kepada keperluan daripada pusat pengajian. Iklan mengenai SLAB/SLAI diadakan sekali setahun di dalam surat khabar tempatan.

Bagi anugerah kecemerlangan, pelajar yang berjaya seperti mendapat PhD dalam tempoh yang ditetapkan layak untuk mendapat anugerah yang telah dijanjikan berbentuk geran penyelidikan dan anugerah wang tunai. Ini akan menggalakkan pelajar untuk berusaha untuk menamatkan pengajian dengan PhD dalam tempoh yang singkat.

Pelaksanaan Aktiviti

1. Mengenal pasti dan menawarkan jawatan *fellow* SLAB/SLAI kepada para pelajar Malaysia (tanpa penaja) yang sedang mengikuti pengajian PhD atau M.Sc (di peringkat akhir pengajian) di universiti-universiti luar dan dalam negara (*Head Hunting*) atau kepada para pelajar sarjana muda dengan kelas pertama yang berminat untuk menyambung pengajian di peringkat PhD atau kepada para Jurutera yang memiliki ijazah sarjana muda kelas pertama atau ijazah sarjana, yang berminat untuk menyambung pengajian di peringkat PhD; dan
2. Mewujudkan anugerah kecemerlangan berbentuk kewangan berbentuk geran penyelidikan jangka pendek bernilai RM10,000 sebagai satu galakan untuk staf menamatkan pengajian dalam masa yang telah ditetapkan iaitu sebelum tempoh 3 ½ tahun.

Pencapaian

1. Bilangan *fellow* dan staf yang tamat pengajian PhD pada tahun 2009 adalah seramai 3 orang.
2. Bilangan *fellow* dan staf yang tamat pengajian PhD pada tahun 2010 adalah seramai 4 orang.

▲ Dasar/Garis Panduan Yang Menyokong Pelaksanaan

1. Skim Latihan Tenaga Pengajar Akademik; dan
2. Skim Pengajian Lanjutan Kakitangan Akademik

▲ Isu-Isu Pelaksanaan

1. Masalah dari segi isu kewangan di mana kekurangan bajet kerana aktiviti-aktiviti yang dirancang memerlukan belanja yang agak besar;
2. Masalah dari segi tenaga kerja di mana kekurangan kakitangan untuk melaksanakan tugas-tugas di bawah aktiviti-aktiviti ini secara sepenuh masa;
3. Bilangan *fellow* dan staf cuti belajar yang dijangka tamat pengajian pada setiap tahun tidak mencapai sasaran berikutan kes pelanjutan tempoh pengajian; dan
4. Bilangan staf yang diluluskan cuti belajar pada setiap tahun adalah rendah berikutan masalah kekurangan staf untuk mengajar.

▲ Penambahbaikan

1. Cuba menambahkan lagi bilangan pelajar yang mendapat biasiswa SLAB/SLAI ini pada setiap tahun;
2. Mewujudkan lebih anugerah kepada pelajar-pelajar PhD;
3. Mewujudkan program persediaan staf cuti belajar supaya staf lebih bersedia untuk melanjutkan pengajian dan sekali gus mengurangkan masalah pelanjutan tempoh pengajian; dan
4. Pemantauan kemajuan pengajian *fellow* dan staf perlu lebih efisien.

▲ Pegawai Bertanggungjawab

Dekan,
Pusat Pengajian Siswazah.